

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 20 Julai 2021 17:36
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: [Kenyataan Rasmi] Keselamatan Warga Kampus Menjadi Keutamaan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

20 JULAI 2021 / 10 ZULHIJAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:



KENYATAAN RASMI UUM CORPORATE COMMUNICATION

KESELAMATAN WARGA KAMPUS MENJADI KEUTAMAAN

Pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM) ingin memaklumkan bahawa dua (2) unit penginapan pelajar di Inapan Siswa (INASIS) Maybank telah mengalami kebakaran pagi tadi. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan memberi jaminan bahawa keselamatan warga kampus khususnya pelajar merupakan perkara yang menjadi keutamaan pengurusan universiti.

Pihak pengurusan universiti sentiasa menekankan pelbagai aspek keselamatan termasuk kawalan kebakaran di semua bangunan seluruh kampus memenuhi piawaian terkini yang ditetapkan pihak bomba.

Pihak universiti bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan di INASIS terbabit. Pelajar terlibat telah ditempatkan di penginapan baharu di blok berhampiran.

Bagi meringankan bebanan mereka juga, pihak universiti memberikan bantuan wang tunai termasuk sumbangan Food Bank berupa barangan keperluan asas serta membantu menguruskan penggantian dokumen perjalanan yang musnah dalam kebakaran dan sokongan kaunseling.

Memandangkan punca kebakaran masih dalam siasatan pihak bomba, oleh itu diminta agar semua pihak bertenang dan tidak membuat sebarang kesimpulan yang boleh menjejaskan penyiasatan.

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

20 Julai 2021

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.